# LAMPIRAN

**LAMPIRAN 1**

PERDANA MENTERI
MALAYSIA

19 Mei 1986

Ketua Setiausaha,
Kementerian Dalam Negeri,
Jalan Dato Onn,
Kuala Lumpur.

Bahasa Kebangsaan Untuk Agama Kristian

Kabinet telah membincangkan perkara ini dan memberi tanggungjawab kepada Timbalan Perdana Menteri menentukan perkataan yang boleh diguna dan tidak boleh diguna oleh agama Kristian. (Sila lihat nota TPM)

Di samping itu Panduan Umum yang terkandung dalam muka surat 2 Lampiran "A" dari Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri hendaklah dibatalkan.

(DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD)

19 MAY 1986

**Arahan Pejabat Perdana Menteri kepada Timbalan Perdana Menteri untuk membincangkan perkataan yang boleh digunakan dan tidak boleh digunakan oleh agama Kristian bertarikh 15 Mei 1986**

**LAMPIRAN 2**



PEJABAT TIMBALAN
PERDANA MENTERI
JALAN DATUK ONN,
KUALA LUMPUR
Tel: K.L. 203723

MEMO

PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI

YAB. Perdana Menteri,

Istilah/Perkataan Islam Di Dalam
"Al-Kitab" Yang Tidak Boleh Digunakan

Kabinet memutuskan saya sendiri - Anwar dan James mengkaji perkara di atas.

Keputusan:

1. Perkataan-perkataan di bawah ini boleh digunakan:

1. Al-Kitab.
2. Firman.
3. Rasul.
4. Syariat.
5. Iman.
6. Ibadah.
7. Injil.
8. Wahyu.

17 MAY 1986
PERDANA MENTERI

2/..

**Memo Pejabat Timbalan Perdana Menteri berkaitan istilah yang boleh digunakan dan tidak boleh digunakan dalam al-Kitab bertarikh 17 Mei 1986**

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

- 2 -

9. Nabi.
10. Syukur.
11. Zikir.
12. Doa.

2. Perkataan-perkataan yang ta' boleh dipakai:

1. Allah.
2. Kaabah.
3. Baitullah.
4. Solat.

Dengan syarat di kulit luar (muka depan) buku-buku itu ditulis perkataan "UNTUK AGAMA KRISTIAN".

Sekian dimaklumkan.

Timbalan Perdana Menteri.

16 Mei 1986.

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

**LAMPIRAN 3**

LAMPIRAN 1

KEMENTERIAN DALAM NEGERI
(BAHAGIAN KAWALAN PENERBITAN)
TINGKAT 1, BANGUNAN STRAITS TRADING
LEBOH PASAR BESAR, PETI SURAT 10382
50712 KUALA LUMPUR.

Tel: 2931322/2931717

Ruj. tuan :

Ruj. kami : KDN: S.59/3/9/A Klt.2

Tarikh : 5hb Disember, 1986.

Kepada :

Semua Penerbitan Agama Kristian
seperti di Lampiran (nama, alamat
dan rangkuman)

Tuan/Puan,

Penggunaan Istillah/Perkataan Yang Digunakan
Dalam Penerbitan Agama Kristian Berbahasa Malaysia.

Adalah saya diarah merujuk kepada perkara di atas berhubung dengan kekeliruan dikalangan masyarakat tentang istilah/perkataan yang merujuk kepada agama Islam yang juga digunakan dalam penerbitan agama Kristian dalam Bahasa Malaysia.

2. Adalah dengan ini diberitahu iaitu Kerajaan telah memutuskan perkataan dibawah ini boleh digunakan dlm. penerbitan agama Kristian :-

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Al-Kitab | 7. | Injil |
| 2. | Firman | 8. | Wahyu |
| 3. | Rasul | 9. | Nabi |
| 4. | Syariat | 10. | Syukur |
| 5. | Iman | 11. | Zikir |
| 6. | Ibadah | 12. | Doa |

Sekiranya penerbitan tersebut berbentuk buku atau risalah yang hendak disebarkan atau dijual perkataan "UNTUK AGAMA KRISTIAN", disyaratkan ditulis di kulit luar (muka depan) buku atau risalah tersebut.

3. Perkataan yang tidak boleh dipakai atau digunakan dalam semua penerbitan Kristian di negara ini ialah :-

... 2/-

**Naratif Kementerian Dalam Negeri bagi Penggunaan Istilah/ Perkataan yang digunakan dalam Penerbitan Agama Kristian Berbahasa MALAYSIA bertarikh 5 Disember 1986**

**LAMPIRAN 3**

F-94 THU 9:50 KEM. DLM. NEGERI UKP-NU 2032441 P.05

\- 2 -

1\. Allah　　3. Baitullah
2\. Kaabah　　4. Solat

Untuk makluman, Majlis-majlis Agama Islam Negeri-negeri dalam hal ini mempunyai bidang kuasanya untuk memutuskan perkara berkaitan dengan hal ehwal Agama Islam bagi negeri masing-masing.

4\. Tujuan Kerajaan mengambil ketetapan berhubung dengan istilah/perkataan serta syarat di atas kepada penerbitan agama Kristian adalah semata-mata untuk menjaga ketenteraman awam dan mengelakkan berlakunya salah faham diantara umat Islam dengan penganut-penganut agama Kristian. Oleh itu tuan/puan adalah dengan ini diingatkan supaya mematuhi arahan Kerajaan dalam semua bentuk penerbitan agama Kristian yang diterbitkan.

Sekian, dimaklumkan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

( HASSAN BIN JANTAN )
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Dalam Negeri.

s.k.

Pengarah Cawangan Khas,
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia,
Bukit Aman,
50560 KUALA LUMPUR.

( u.p: Encik Zainul Ammi bin Hj. Zubir )

Pengawal Penerbitan,
Kementerian Dalam Negeri,
(Cawangan Kawalan Penerbitan),
Tingkat 8, Blok B,
Wisma Persekutuan,
80000 JOHOR BAHRU.

( u.p: Encik Musin bin Ahmad )

Pengawal Penerbitan,
Kementerian Dalam Negeri,
(Cawangan Kawalan Penerbitan),
Lebuh Pantai,
10300 PULAU PINANG.

( u.p: Encik Mohd. Sabari bin Dahalan )

Semua Setiausaha Keselamatan Negeri.

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA